★★

**MODUL PINTAS**
**TINGKATAN 5**
**PENDIDIKAN ISLAM**
**Kertas 1**

**1223/1**

2 jam 30 minit

**Dua jam tiga puluh minit**

# PERATURAN PEMARKAHAN PENDIDIKAN ISLAM K1 1223/1

<table>
<tr><th colspan="3">No</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud sunnatullah:<br>- Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) /dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut (1m)</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua faktor kemusnahan umat terdahulu:<br>- Bersifat angkuh dan menuduh Nabi Saleh AS pendusta<br>- Ingkar perintah Allah SWT dengan mengamalkan homoseksual</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua kesan memahami sunnatullah:<br>- Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah SWT yang Maha Bijaksana<br>- Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan<br>- Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan<br>- Mengkaji dan menyelidik kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam<br>- Membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi menghadapi cabaran dalam kehidupan</td><td>2 isi x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>KBAT
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Memelihara hutan<br>- Memulihara hutan<br>- Menaik taraf perparitan<br>- Membersihkan longkang-longkang sekitar perumahan<br>- Melebarkan sungai</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud potongan hadis:
<table>
<tr><td>الإِمَامُ الْعَادِلُ</td><td>Pemimpin yang adil</td></tr>
<tr><td>إِنِّي أَخَافُ اللهَ</td><td>Sesungguhnya aku takut pada Allah SWT</td></tr>
</table></td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua golongan yang mendapat naungan Allah SWT:<br>- Pemimpin yang adil<br>- Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT<br>- Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT<br>- Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT<br>- Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya<br>- Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua pengajaran hadis:<br>- Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan (Isi) kerana sikap tersebut merupakan suruhan Allah SWT (Huraian)<br>- Kita hendaklah memanfaatkan usia muda (Isi) engan mendekatkan diri kepada Allah SWT (Huraian)<br>- Kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan masjid (Isi) agar syiar Islam dapat ditegakkan (Huraian)<br>- Kita hendaklah saling mengasihi (Isi) supaya masyarakat hidup aman damai (Huraian)<br>- Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat (Isi) agar selamat daripada kemurkaan Allah SWT (Huraian)<br>- Kita hendaklah berusaha memperbanyak sedekah (Isi) kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa (Huraian)<br>- Kita hendaklah melazimi amalan zikir (Isi) agar jiwa tenang (Huraian)</td><td>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br><br>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(c)</td><td>Qalqalah dan cara bacaan:<br><br>- Qalqalah Sughra (1m)<br>- bunyi lantunan yang rendah ketika menyebut huruf qalqalah yang berbaris sukun (1m)<br><br>- Qalqalah Kubra (1m)<br>- bunyi lantunan kuat ketika menyebut huruf qalqalah ketika wakaf (1m)<br><br>- Qalqalah Akbar (1m)<br>- bunyi lantunan lebih kuat ketika menyebut huruf qalqalah ketika wakaf (1m)</td><td>2 isi x 1m = 2m<br>Hukum = 1m<br><br>Penerangan = 1m</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud al-Raqib:<br>- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi (1m) semua perbuatan dan keadaan makhluk (1m)</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua bukti Allah SWT al-Raqib:<br>- Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya<br>- Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<table><tr><td>Deskriptor</td><td>Skor</td></tr><tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr></table></td><td>4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td><table><tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Mengadakan kawalan rukun tetangga<br>- Memasang CCTV di kawasan kejiranan<br>- Mengupah pengawal keselamatan khas di kawasan perumahan</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Iman seseorang itu boleh terbatal selain melalui iktikad:<br>- Perkataan<br>- Perbuatan</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua cara menjauhi perkara yang membatalkan iman:<br>- Mendalami ilmu akidah Islam (Isi)<br>supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur (Huraian)<br>- Bersahabat dengan orang yang soleh (Isi)<br>yang dapat membimbing diri kepada kebaikan (Huraian)<br>- Melakukan amal soleh (Isi)<br>yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan rasul (Huraian)<br>- Berdoa dan memohon petunjuk Allah SWT (Isi)<br>- agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam (Huraian)</td><td>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br><br>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Maksud Syiah:<br>- Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abi Talib dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW (1m) dan berkeyakinan bahawa hanya ahli al-Bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah (1m)</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Prinsip Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah:<br>- Meyakini bahawa imam-imam adalah maksum<br>- Menyanjung Saidina Ali secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW<br>- Mengamalkan al-taqiyyah<br>- Meyakini bahawa al-Imamah merupakan rukun agama</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud solat sunat gerhana:<br>- Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan (1m) dengan cara-cara yang tertentu (1m)</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>KBAT<table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table></td><td>4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Cadangan isi:<br>- Berdoa kepada Allah SWT<br>- Menunaikan solat sunat gerhana bulan<br>- Memperbanyakkan istighfar<br>- Bertakbir<br>- Bersedekah | |
| | | (iii) | **Dua** hikmah solat sunat gerhana:<br>- Menginsafi kekuasaan Allah SWT terhadap penciptaan alam semesta<br>- Memohon keampunan kepada Allah SWT terhadap segala dosa yang dilakukan<br>- Memberikan peringatan supaya manusia tidak melakukan kerosakan dan kemungkaran<br>- Memandu manusia mentauhidkan Allah SWT<br>- Mendapat ganjaran pahala melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT | 2 isi x 2m = 4m |
| | (b) | (i) | Maksud perkahwinan:<br>- Akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan (1m) menurut hukum syarak (1m) | 2m |
| | | (ii) | **Empat** wanita yang haram dikahwini selama-lamanya disebabkan keturunan:<br>- Ibu<br>- Nenek dan ke atas<br>- Anak perempuan<br>- Cucu perempuan<br>- Adik-beradik perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu<br>- Anak perempuan daripada adik beradik lelaki atau adik beradik perempuan sama ada seibu sebapa atau sebapa atau seibu<br>- Ibu saudara<br>- Nenek saudara | 4 isi x 1m = 4m |
| | | (iii) | **Dua** hikmah perkahwinan dalam Islam:<br>- Memenuhi tuntutan batin (Isi)<br>yang merupakan fitrah manusia (Huraian)<br>- Memelihara diri daripada keruntuhan akhlak dan pelbagai gejala sosial (Isi)<br>yang boleh mencemarkan maruah (Huraian)<br>- Memelihara keturunan yang baik (Isi)<br>agar tidak dipandang hina (Huraian)<br>- Mewujudkan ketenangan jiwa (Isi)<br>melalui hubungan cinta yang halal (Huraian)<br>- Menghindari perbuatan seks secara bebas (Isi)<br>yang boleh membawa jangkitan penyakit (Huraian)<br>- Menjalinkan hubungan persaudaraan antara kedua-dua belah keluarga suami dan isteri (Isi)<br>- agar hidup harmoni (Huraian) | Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br><br>2 isi x 2m = 4m |
| 4 | (a) | (i) | **Dua** orang khalifah Khulafa al-Rasyidin selain Saidina Umar al-Khattab:<br>- Khalifah Abu Bakar al-Siddiq<br>- Khalifah Uthman bin Affan | 2 isi x1m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Khalifah Ali bin Abi Talib | |
| | | (ii) | **Dua** pencapaian pemerintahan Saidina Umar al-Khattab daripada aspek sosial:<br>- Mengasaskan takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun hijrah<br>- Memperkenal undang-undang pentadbiran tanah untuk menghormati hak sosial dan menjaga kebajikan rakyat<br>- Membina kemudahan awam seperti tali air untuk kemudahan pertanian | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | **Dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Khulafa al-Rasyidin:<br>- Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah (Isi) yang mengutamakan kesejahteraan agama, rakyat dan negara (Huraian)<br>- Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah (Isi) agar kebenaran Islam dapat disebarkan (Huraian)<br>- Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam (Isi) dengan memelihara hak antara satu sama lain (Huraian)<br>- Kita hendaklah menyumbang kepakaran (Isi) untuk pembangunan dan kemajuan negara (Huraian)<br>- Kita hendaklah mengamalkan akhlak yang terpuji (Isi) agar menjadi contoh teladan yang baik (Huraian)<br>- Kita hendaklah menyokong kegiatan ekonomi umat Islam (Isi)<br>- supaya umat Islam dihormati (Huraian) | Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br><br>2 isi x 2m = 4m |
| | (b) | (i) | Riwayat hidup Profesor Ahmad bin Ibrahim:<br>- Nama sebanar : Ahmad bin Muhammad Ibrahim<br>- Tarikh lahir : 15 Mei 1916<br>- Tarikh meninggal dunia : 17 April 1999<br>- Gelaran : Profesor Emiritus Tan Sri Doktor<br>- Pekerjaan : pensyarah kuliyah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa<br>- Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah<br>- Ketinggian akhlak : suka menyebarkan ilmu, menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan<br>- Tahap Pendidikan : Victoria Bridge School<br>: Raffles Institution, Singapura<br>: Raffles College, Singapura<br>: University of Cambridge | 2 isi x1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** contoh ketinggian akhlak Profesor Ahmad bin Ibrahim:<br>- Suka menyebarkan ilmu<br>- Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | **Dua** pengajaran yang dapat diambil daripada ketokohan peribadi Profesor Ahmad bin Ibrahim:<br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan beliau dalam menuntut ilmu<br>- Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki | 2 isi x 2m = 4m |
| | | | | |

<table>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua adab terhadap orang sakit daripada aspek emosi:<br>- Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan reda<br>- Tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising dan tempoh ziarah yang panjang</td><td>2 isi x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hikmah beradab terhadap orang sakit:<br>- Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT<br>- Mengeratkan ukhwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati<br>- Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit</td><td>2 isi x2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Membantu orang tersebut melintas jalan<br>- Mengawal kenderaan untuk memberi laluan<br>- Meminta kerjasama daripada pengguna jalan raya</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud alam sekitar<br>- Segala benda hidup dan bukan hidup (1m) / yang terdapat di sekeliling kita (1m)</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua adab menjaga alam sekitar:<br>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna agar tidak terancam<br>- Sentiasa memelihara kebersihan alam sekitar<br>- Sentiasa memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan seperti penanaman semula pokok<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar<br>- Sentiasa menjaga kelestarian alam seperti menjaga kebersihan sungai<br>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam seperti kitar semula<br>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua hikmah menjaga alam sekitar:<br>- Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar (Isi)<br>kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan (Huraian)<br>- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa (Isi)<br>kerana melihat keindahan alam (Huraian)<br>- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit (Isi)<br>kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar (Huraian)</td><td>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br><br>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Melestarikan alam sekitar yang indah (Isi)<br>untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang (Huraian)<br>- Meningkatkan pendapatan (Isi)<br>kerana melaksanakan aktiviti eko-pelancongan (Huraian) | |

**PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT**